

Pertama kali Presiden UMNO diberi tepukan sambil berdiri

KUALA LUMPUR 28 Okt.
— Bagi pertama kalinya seorang Presiden UMNO telah diberikan tepukan sambil berdiri (*standing ovation*) oleh para perwakilan apabila beliau selesai membuat ucapan perasmian Perhimpunan Agung UMNO yang memakan masa 1 jam 40 minit di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini. Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang menerima tepukan itu kelihatan terharu dan mengangkat tangannya kepada lebih 10,000 orang termasuk pemerhati yang menghadiri upacara perasmian itu. Sebaik sahaja beliau kembali ke kerusinya setelah membuat ucapan, Pengerusi Tetap Tan Sri Sulaiman Ninam Shah berkata "tidak pernah ucapan dasar seorang Presiden UMNO diberikan penghormatan yang seperti ini."

Dr. Mahathir beralih dan menundukkan kepalanya kepada Tan Sri Sulaiman.

Kemeriahan upacara perasmian Perhimpunan Agung UMNO itu memberikan gambaran seolah-olah UMNO tidak menghadapi sebarang krisis atau gangguan sebelum ini.

Pengerusi Tetap Tan Sri Sulaiman Ninam Shah telah membangkitkan semangat perwakilan sebelum perasmian oleh Presiden UMNO dengan mengajak mereka berteriak tiga kali "Hidup Melayu" dan "Merdeka".

Tepukan bergema lebih hebat lagi apabila Presiden UMNO Datuk Sri Dr. Mahathir tiba dengan diiringi oleh timbalannya Encik Ghafar Baba.

Dr. Mahathir mulai diberikan tepukan bergemuruh apabila beliau menyentuh golongan Bebas yang menentang UMNO sekarang sebagai 'golongan serpihan.' Bercakap kepada pemberita - pemberita selepas selesai memberikan ucapannya, Perdana Menteri yang kelihatan gembira menyatakan terharu dengan "*standing ovation*" yang diberikan kepada beliau.

"Saya tidak pernah merasa terharu sebegini," katanya.

"Penghargaan itu bukan hanya kerana ucapan dasar yang dibuat tetapi kerana para perwakilan telah menunjukkan perasaan yang cukup kuat untuk bersatu padu," ujar beliau.